

DPMM perlukan perubahan

UM - 1/6/2007

PADA 30 Jun ini Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) akan mengadakan pemilihan dalam mesyuarat agung tahunannya.

Presidennya, Abdul Rahman Maidin akan dicabar oleh Timbalannya, Syed Ali Mohamed Alattas dalam usaha membawa arus perubahan hala tuju DPMM dalam memperkasa seluruh ahli perniagaan bumiputera daripada yang gergasi hingga ke status ikan bilis agar mendapat pembelaan sewajarnya daripada sebuah organisasi pusat yang amat berpengaruh ini.

Ditubuhkan pada 1956 dan digubal semula pada 1974, DPMM adalah dewan perhimpunan peniaga Melayu terbesar di negara ini. Dengan memiliki cawangan di hampir setiap negeri semua kepakaran dan sumber ada di DPMM.

Dahulunya DPMM amat gah dengan keupayaannya melahirkan beberapa jutawan dan teknokrat Melayu seperti Tan Sri Kamarul Ariffin, Tan Sri Yahya Ahmad, Tan Sri Tajuddin Ramli dan ramai lagi, namun kini DPMM sudah mula hilang taringnya dan mula dipinggirkan oleh usa-

hawan-usahawan Melayu yang telah berjaya dalam perniagaan.

Siapa pun yang bakal terpilih menerajui DPMM akan datang ini, bakal berdepan cabaran yang amat sukar untuk mengembalikan DPMM pada landasan yang sepatutnya.

Ini kerana di negara ini telah terlalu banyaknya tumbuh dewan, gabungan, agensi, pertubuhan, persatuan dan organisasi bersifat perniagaan yang berlatarbelakangkan bumiputera.

Namun hala tuju dan peranannya masih bercelaru, lemah, lesu dan tidak bermaya sedang kesatuan hanya gah pada namanya sahaja.

Dengan kelesuan peranan DPMM memacu peniaga bumiputera di negara ini, hasilnya adalah amat sukar untuk melihat mana-mana organisasi, dewan atau pertubuhan perniagaan bumiputera yang benar-benar aktif menjaga kebajikan ahli dan berwawasan jauh.

Justeru, sudah tiba masanya DPMM bermuhasabah dan melihat semula sejauh mana peranan dan jasa organisasi itu dalam pencapaian wawasan Dasar Ekonomi

Baru (DEB) yang lahir sezaman dengan penubuhannya ke arah mencetuskan nafas baru dalam perjuangan di masa depan.

Adakah perjuangan DPMM pada hari ini masih memenuhi tuntutan dan keperluan seluruh peniaga bumiputera yang mengharapkan naungan dan pembelaan serius daripada mereka yang telah diamanahkan?

DPMM harus meresap dan menyepadukan agenda kerja dan perjuangannya bersama-sama seluruh jentera kerajaan.

DPMM juga harus segera menyusun strategi dan menggerakkan pelan tindakan jangka panjang secara agresif menjayakan semua perancangan pembangunan usahawan bumiputera yang telah dirancang oleh pihak kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Wawasan 2020 hanya tinggal sejengkal di depan kita. Budaya keusahawanan masih jauh dari pandangan, pemikiran dan impian generasi baru. Didikan berniaga belum jadi amalan bangsa Melayu. Melayu masih dibelenggu budaya menjadi pengguna mutlak di negara ini.

Sedang kita sudah maklum kerja-kerja membangun budaya berniaga bukan boleh dicipta semalaman. Sejarah kehebatan perdagangan Melayu Melaka, Riau Lingga memerlukan pembudayaan beratus tahun untuk menjadi tamadun perniagaan Melayu global yang hebat pada masa itu.

DPMM harus menjadi pencetus sejarah ketamadunan perniagaan Melayu Global pada hari ini. Gabem boleh menjadi naungan yang kukuh buat DPMM dengan memayungi seluruh peniaga Melayu di negara ini.

Namun sebelum mencapai mandat itu, DPMM harus membuktikan kepada seluruh peniaga Melayu bahawa pertubuhan ini masih bertaring, berwibawa dan masih relevan kepada pembelaan dan perjuangannya dengan memikul 'nama' yang gah tersebut tanpa mengira siapa pun yang bakal memimpinnya pada masa akan datang.

**- SAMSUDIN ISMAIL,
Nusajaya, Johor.**